

Lagenda Raja Bersiong: Menata Sejarahnya Berdasarkan Sumber Dokumentasi Dan Lisan

(*The Legend Of Raja Bersiong: Sorting His History Based On Documentary And Oral Sources*)

Shukri Janudin^{1*}

¹ Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), Malaysia

* Pengarang Koresponden: shuxre75@hotmail.com

Received: 24 February 2024 | Accepted: 10 May 2024 | Published: 1 June 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpg.2024.6.2.4>

Abstrak: Sejak sekian lama Raja Bersiong menjadi sebuah cerita warisan sastera rakyat dan lagenda silam yang telah mempopularkan sejarah dan tamadun Melayu Kedah Tua. Baginda merupakan salah seorang Raja dari kerajaan Melayu Kedah seperti mana tercatat di dalam Hikayat Merong Mahawangsa. Di dalam pelbagai penceritaan dan kajian, baginda sering digambarkan sebagai sebuah kisah mitos dan penglipur lara yang dikaitkan dengan pelbagai unsur kezaliman serta penyimpangan amalan yang menyebabkan berlakunya penentangan golongan rakyat terhadap institusi diraja. Kesannya baginda digulingkan namun tahta kerajaan dapat diselamatkan hasil kebijaksanaan permaisuri serta golongan pembesar yang ingin meneruskan legasi keturunan Mahawangsa bertahta memerintah negeri Kedah. Kajian ini menggunakan pelbagai sumber dokumentasi dan kerja-kerja lapangan bagi mendapatkan gambaran jelas terhadap kisah tersebut. Hasil kajian merumuskan bahawa kisah Raja Bersiong tersebut merupakan sebuah kisah yang nyata berlaku bukannya sebuah kiasan terhadap kepimpinan institusi Raja sebaliknya sebagai satu rekod sejarah yang bertujuan memberikan teladan kepada golongan pemerintah dan masyarakat silam.

Kata Kunci: Raja Bersiong, Kedah Tua, Melayu, Institusi Diraja, Mahawangsa

Abstract: For a long time, Raja Bersiong, or King with Fang has been a literary legacy folklore and legend that has popularized the history and civilization of ancient Kedah. He is one of the kings of the Malay Kingdom of Kedah as recorded in the Hikayat Merong Mahawangsa. In various stories and studies, his majesty is often described as a myth and a storyteller associated with various elements of tyranny and distortion of practice that led to the opposition of the people to the Royal Institution. As a result, he was deposed but the royal throne could be saved by the wisdom of the Queen and the nobility who wanted to continue the legacy of Mahawangsa's descendants ruling the state of Kedah. This study uses various documentation sources and fieldwork to get a clear picture of the story. The results of the study concluded that the story of Raja Bersiong is a real story that happened instead of an allusion to the leadership of the King's institution but as a historical record that aims to provide an example to the ruling class and the past.

Keywords: Raja Bersiong, Kedah Tua, Malay, Royal Institution, Mahawangsa

1. Metodologi Kajian

Kajian penyelidikan berkaitan lagenda Raja Bersiong ini dilakukan menerusi kaedah penelitian terhadap dokumen-dokumen primer dan sekunder, selain melaksanakan kajian lapangan dengan melawat lokasi tapak peristiwa bersejarah. Sebanyak 51 bahan dokumentasi dan 13 sumber internet dijadikan rujukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan Raja Bersiong. Matlamat kajian ini adalah untuk menata dan menyusun kronologi cerita serta memberikan maklumat terbaharu yang akan merintis kajian-kajian berkaitan seterusnya.

2. Pendahuluan

Lagenda Raja Bersiong merupakan suatu kisah yang popular di negeri Kedah Darul Aman. Kisahnya diketahui melalui teks Melayu klasik bertajuk *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) yang terkandung di dalam Bab 2 setebal 44 halaman hasil literasi Syafiq Hadzir (2020). Kisah Raja Bersiong telah menjadikan hikayat ini unik dan menjadi salah satu pelengkap serta daya penarik kepada penceritaan keseluruhan hikayat tersebut. Justeru sejak sekian lama kisah Raja Bersiong telah diberikan pelbagai tafsiran serta sudut pandangan oleh para pengkaji dari dalam dan luar negara. Antaranya pengkajian mengenai sejarah, linguistik, kesusasteraan, sosio-budaya, mitos, mistik, lagenda, kiasan, agama dan sebagainya selain diolah secara audio visual menjadi pelbagai genre filem, drama atau teater termasuk komik serta animasi.

Di dalam HMM, Raja Bersiong merupakan Raja Kedah ke 5 di dalam senarai raja-raja Kedah Tua sebelum Islam dan baginda digelar Raja Ong Perita Deria. James Low mengelarkan baginda sebagai *Wong Maha Prit Durya* berdasarkan bahasa Siam kuno (Low & Ahmad, 2018:137). Baginda telah mewarisi tahta kerajaan Kedah dari ayahandanya; Raja Seri Maha Inderawangsa; Raja Kedah ke 4 dengan pusat pemerintahan di Kota Arung-Arungan¹. Berdasarkan kajian Syafiq Hadzir (2020:40) dan Herman (2020:26) menafsirkan pemerintahan baginda di Kedah adalah selama 68 tahun iaitu sekitar 512 - 580 masihi. Sementara Janudin & Yusoff (2022:23,28) menafsirkan pemerintahan baginda sekitar tahun 842 - 910 masihi. Menurut Hassan (1928) dan Langkawi (2018:38 - 40) di dalam buku *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (ASNK), Raja Kedah ke 5 tersebut bernama Seri Paduka Maharaja Kerma.

Kisah Raja Bersiong di dalam HMM bermula apabila Raja Kedah ke 3; Seri Mahawangsa tidak merestui hubungan dan perkahwinan puteranya; Seri Maha Inderawangsa dengan cucu kepada pembesarnya; Nang Miri dari keturunan gergasi. Di dalam teks HMM disebut;

“Tiada sama bangsanya dengan kita, kalau-kalau siapa tahu akhirnya beroleh anak dengan perempuan itu menurut hawa nafsu kaumnya, iaitu gergasi, masuk fitnah makannya itu.”

Kekecewaan terhadap tindakan puteranya itu menyebabkan Raja Seri Mahawangsa mangkat. Seri Maha Inderawangsa seterusnya ditahtakan sebagai raja Kedah ke 4. Baginda terkenal sebagai seorang raja yang mesra para pedagang dan fokus kepada perkembangan agama Buddha Mahayana di Kedah (Bakar & Ramli, 2018).

¹ Kota ini dikenali sebagai Kota Arung-Arungan terletak di Sungai Mas daerah Kuala Muda kini. Terdapat kesamaan maksud *Arung* dengan *Harung* iaitu melintasi, mengharungi dan berulang alik seperti mana peristiwa Raja Seri Maha Inderawangsa sering berulang alik dari hulu ke hilir sungai meninjau kemajuan pembinaan kota ini (HMM - Syafiq Hadzir, 2020:40).

Setelah kemangkatan baginda, puteranya hasil perkahwinan dengan keturunan gergasi tersebut telah ditahtakan bergelar Raja Pra Ong Perita Deria. Pemerintahan baginda pada mulanya amat disenangi rakyat. Namun akhirnya berubah menjadi kebencian rakyat apabila baginda mula menunjukkan sikap degil dan suka memaksa rakyat menuruti sikapnya yang suka bermewah, bermegah hingga menzalimi rakyatnya. Baginda telah mengerah rakyat jelata membina sebuah kota yang baharu dikenali sebagai Kota Aur atau Kota Ok kerana tidak mahu menduduki kota sedia ada di Arung-Arungan.

Pembinaan Kota Aur

Perubahan sikap Raja Bersiong lebih terserlah apabila baginda mula menjalinkan hubungan erat dengan kerajaan *Aceh* dengan membeli batu-batu berukir dan cermin serta mengupah para pengukir batu untuk membina serta menghias Kota Aur. Menurut Janudin (2023:15) di dalam kepercayaan Tantrayana, hiasan cermin di kuil atau bangunan melambangkan refleksi diri serta kebersihan hati untuk dipersembahkan kepada para dewa. Kota Aur ini telah menarik minat para pedagang asing antaranya Ibnu Khurdahbih dalam catatannya '*al Masalik wal Mamalik*' memuji keindahan Kedah sewaktu kunjungannya pada 846 masihi (Coedes, 1968; Wheatley, 1961). Pujian turut diberikan pengembara Arab bernama Sulayman pada tahun 851 (Braddell, 1950) dan Al Yakubi pada tahun 870 masihi dalam catatannya '*al Buldan*' yang menceritakan kehidupan masyarakat serta memuji keindahan kota Qalah yang dikelilingi oleh sungai, taman serta aur atau pohon buluh yang merimbun (Al-Faqih & de Goeje, 1996).

Menurut Janudin dan Yusoff (2022:22-23) seperti mana versi ASNK, Kedah ketika itu di bawah pemerintahan raja ke 5; Paduka Maharaja Kerma telah menerima ramai pedagang Islam dari Arab dan Parsi selain para pedagang dari negeri lain. Pengaruh Islam sememangnya wujud di Kedah seawal tahun 800 hingga 900M. Ia terbukti apabila sebuah batu tertera tulisan *Ibnu Sardan 213* ditemui di Merbok dan nisan tertera nama *Syeikh Abdul Kadir Hussien Al-Yarah 219H* (903M) ditemui di Langgar (Hasni et al., 2017:125-126). Namun negeri ini masih belum Islam kerana Rajanya tidak memeluk Islam. Justeru agak sukar untuk membuktikan secara empirikal Raja Bersiong merupakan seorang raja beragama Islam atau menjadi *wali Allah* yang teraniaya dengan ilmu sihir sehingga berubah menjadi kejam seperti mana dakwaan lisan pihak-pihak tertentu di dalam media-media sosial.

Lamuri sebagai pusat ajaran Tantrayana

Menurut Janudin (2022:22) *Aceh* yang dimaksudkan ketika adalah Lamuri yang merupakan sebuah kerajaan lama bagi empayar Aceh Tua yang mengamalkan ritual Tantrayana. Ia berdasarkan kajian Alfano dan Marcello (2016: 91-93) yang menyatakan Lamuri telah menjadi pusat bagi agama Hindu - Buddha yang bercampur aduk dengan fahaman Tantrik wujud sepanjang abad ke 6 sebelum menerima Islam pada tahun 1205 masihi. Menurut Basyir-Nim (2008:5) ajaran ini berkembang di Sumatera sejak awal penubuhan Sriwijaya dan turut berkembang di kepulauan Jawa dan Bali sekitar tahun 900an. Rahman dan Ramli (2009:406) menyatakan Lamuri menjadi sebuah wilayah jajahan atau *mandala* kepada empayar Sriwijaya di Sumatera yang memiliki kuasa autonomi serta pelabuhan entrepot terkenal di barat kepulauan Melayu selain Lembah Bujang, Kedah dan Takuapa di Tambralingga. Ketiga-tiga pelabuhan ini menjadi pelabuhan utama di segi tiga perairan Semenanjung dan Pulau Sumatera. Hubungan baik di antara Lamuri dan Kedah ini secara tidak langsung berkemungkinan besar telah mempengaruhi amalan Raja Phra Ong Perita Deria tersebut menjadi sukar dikawal, bertindak melulu dan suka mengerah rakyat sehingga menzalimi mereka. Di dalam HMM diceritakan keburukan sikap baginda semakin menjadi-jadi apabila gigi baginda ditumbuhi siong atau taring yang memberi petanda bahawa sesuatu yang buruk akan terjadi sehingga baginda digelar Raja Bersiong (Syafiq Hadzir: 2020: 47-48). Kejadian ini bermungkinan

merupakan satu ketulahan apabila ayahandanya telah melanggar sumpah dan pantang larang diraja keturunan Merong Mahawangsa yang ditegah berkahwin dengan golongan gergasi kerana akan melahirkan zuriat keturunan yang buruk tingkahlakunya.

Kezaliman baginda semakin menjadi-jadi apabila baginda mula termakan masakan sayur bayam yang bercampur darah akibat kelalaian tukang masak istana. Akibat kejadian tersebut baginda mula ketagih darah manusia dan bertindak kejam dengan gemar menyula mangsa, meminum darah serta memakan daging mereka (Syafiq Hadzir, 2020: 51-53).

Menurut Janudin (2023: 7) beberapa amalan pelik dan tidak berperikemanusiaan Raja Bersiong ini mempunyai kesamaan yang boleh dikaitkan dengan amalan ilmu magis berdasarkan ajaran Tantrayana iaitu gabungan unsur Buddha Mahayana, Hindu Shivaisme dan animisme. Hubungan rapat baginda dengan Lamuri sebagai sebuah kota Tantrik menunjukkan perkaitan ini. Amalan tersebut menjadikan baginda kebal sehingga digeruni rakyat jelata. Bahkan baginda telah mendirikan penjara khas buat para banduan yang menanti hukuman bunuh dan akan dijadikan santapan baginda di Bukit Penjara. Ini antara bukti Kedah turut mengamalkan ajaran tantrik ketika ini (Falarti, 2013: 45-46,49, 64).

Selain itu para pengkaji seperti Soekmono (1981:29,34), Saksono (1995:223-224) dan Rahmawati (2017:11-12) menyatakan ajaran dan ritual ini turut diamalkan secara berleluasa sepanjang penguasaan empayar Dhamasraya², Mataram, Singgasari dan Majapahit di kepulauan nusantara bahkan terdapat di dalam empayar Siam sepanjang abad ke 10 - 12 masihi.

Ritual Tantrayana

Ritual dimulakan dengan mengadakan korban nyawa yang mana mangsa akan diseksa terlebih dahulu demi mendapatkan kuasa magis yang lebih kuat. Semakin kuat mangsa terseksa maka semakin ampuh kekuatan yang bakal diperolehi oleh setiap pengamalnya. Seterusnya para pengamal akan melaksanakan sebuah ritual digelar *Pancamakarapuja* yang mengandungi lima (*panca*) ritual utama dikenali sebagai *Ma*. Ia dilakukan dengan *mapuja* (*puja*) atau memuja dewa ganas (*makara*) bagi mendapatkan kekuatan magis seperti layaknya gergasi. Antaranya;

- i. Pertama; *Mamsa* - meminum darah serta memakan organ daging manusia samada mentah, dipanggang atau dimasak.
- ii. Kedua; *Matsya* - makan ikan busuk yang beracun
- iii. Ketiga; *Mada* - bermabuk-mabukan dengan minuman keras.
- iv. Keempat; *Madura* - menari-nari sehingga kesurupan atau lupa diri, dan;
- v. Kelima - diakhiri *Maitunaatau* iaitu melakukan seks bebas beramai-ramai hingga kelelahan.

Kesemua ini dilakukan bagi melampias nafsu dan mencapai tahap kepuasan maksima sebagai tanda tiada lagi sebarang keinginan nafsu di dalam diri. Seterusnya dalam keadaan jiwa yang kosong tersebut membolehkan para pengamal ritual ini bermeditasi dengan mentera-mentera tertentu untuk berhubung terus serta memperhambakan jasad dan menyerahkan roh mereka kepada *Dewa Bhairawa* dan *Dewi Bhairawi* untuk mendapatkan apa jua kuasa kebatinan yang tinggi bagi tujuan-tujuan tertentu.

² Empayar Dhamasraya muncul pada tahun 1088 selepas keruntuhan empayar Sriwijaya akibat serangan tentera Chola pada tahun 1025 dan 1069. Empayar ini menjadikan ritual Tantrayana sebagai anutan yang turut diamalkan di wilayah-wilayah naungannya seperti Kedah dan Sumatera. Sisa-sisa amalan seumpama Pancamakrapuja ini dikesan kembali diamalkan oleh Raja Phra Ong Mahawangsa yang gemar meminum arak dan melakukan perlawanan sihir sewaktu berhadapan dengan para pendakwah diketuai oleh Syeikh Abdullah al Qumairi dari Yemen.

Perkaitan dengan *Hikayat Raja Beikor*?

Cerita berkaitan Raja Bersiong dari Kedah ini mempunyai sedikit persamaan dengan *Hikayat Raja Beikor* yang dipercayai berlaku beberapa tahun selepas zaman Raja Bersiong. Menurut Sarman (2013:104-107) di dalam *Hikayat Raje Beikor* lahir seorang putera yang memiliki ekor hasil hubungan terlarang seorang puteri dengan seekor anjing. Setelah meningkat dewasa anak tersebut merantau ke Pulau Belitung dan menjadi rajanya.

Kezaliman baginda bermula apabila tukang masak istana kepada Raja Berekor terhiris tangan dan darahnya menitik dalam masakan lalu santapan tersebut dimakan oleh Raja Berekor. Kerana kelazatan makanan tersebut membuatkan baginda ketagihan dan sering membunuh rakyat serta memakan daging mereka. Kekejaman tersebut akhirnya ditamatkan apabila para pembesar bersepakat membunuh baginda dan mayatnya dihanyutkan ke sungai. Menurut Munawar (1979: 22); Setyawati dan Budurah (2020: 59-60) hikayat ini popular di Pulau Bangka Belitung, Sumatera Selatan yang ketika itu di bawah pemerintahan Raja Rakai Layang Dyah Tulodong Sri Sajanasanmatanuragatunggadewa atau Raja Tulodong (919 - 924 masihi) dari empayar Mataram kuno³ yang turut mengamalkan ajaran Tantrayana (Soekmono, 1981). Amalan kanibalisme atau memakan daging manusia juga berlaku di kebanyakan daerah di kepulauan Melayu sebelum kehadiran pengaruh agama-agama luar seperti Hindu, Buddha dan Islam. Antaranya catatan utusan China; K'ang Thai sekitar tahun 245 - 250M mengenai suku asli di P'u-lo-Chung di Kalimantan yang memiliki ekor serta mengamalkan kanibalisme (Ramli & Rahman, 2012:188-189). Sementara menurut Satria (2019: 21-23) berdasarkan catatan pengembara muslim Arab-Parsi dan Cina kuno abad pada abad ke 7 mencatatkan terdapat suku kaum kanibal yang ganas digambarkan sebagai golongan manusia berekor, tidak beragama, berkulit gelap serta pendek di Lamuri⁴. Kehebatan kaum di Lamuri ini terbukti apabila Coedes (2014) dan Ajis (2017:83) menyatakan kerajaan tersebut memberikan tentangan cukup hebat terhadap usaha Raja Rajendra Chola 1 yang cuba menawan *Llamuridesam* pada 1024 seperti mana terpahat di Prasasti Tanjore pada tahun 1030.

Menurut Schurman-Kauflin (2011) amalan kanibalisme sememangnya menyimpang dari norma kehidupan manusia normal. Dari sudut psikiarti pengamal kanibalisme memiliki kecelaruan jiwa dengan merasa gembira dan puas apabila menyiksa mangsanya. Semakin kuat penderitaan mangsa disula, dipanggang hidup-hidup, dibunuh kejam serta diratah dagingnya maka lagi bertambah kepuasan kepada si pelaku dan bertambah kuat kuasa magis yang akan diperolehinya kelak. Berkemungkinan besar amalan yang dilakukan oleh Raja Bersiong seperti mana yang dicatatkan di dalam HMM merupakan salah satu dari kategori kanibalisme ekstrim yang sememangnya telah mencemar imej raja serta keturunan Merong Mahawangsa di Kedah. Kekejaman Raja Bersiong tersebut terus diingati rakyat dan menyamakan perbuatan *hisap darah* di dalam peribahasa Melayu lama yang bermaksud memeras keuntungan terlalu banyak dengan cara yang zalim. Menurut Isam dan Abu Talib, (2015:190,196) peribahasa hisap darah ini merupakan salah satu dari 116 buah kata kunci berkaitan darah di dalam bahasa Melayu.

Pelarian Raja Bersiong

Akibat dari pemberontakan rakyat, Raja Bersiong telah melarikan diri dari istananya di Kota Aur setelah tewas bertempur secara fizikal dan kebatinan dengan seorang pendekar handal

³ Kerajaan Mataram kuno berdiri pada tahun 732 sehingga 1007 masihi terdiri dari 3 dinasti beraliran Hindu - Buddha iaitu Sanjaya, Syailendra - Sriwijaya dan Isyana.

⁴ Pengembara Arab menyebut Lamuri sebagai *Ramni*, manakala pengembara China kuno sehingga zaman dinasti Tang menyebutnya sebagai *Lan-Wu-Li* dan dikenali dalam kalangan pengembara serta penakluk Tamil - Chola sebagai *llamuridesam*. Di dalam HMM ia dikenali sebagai *Aceh*. Hakikatnya Lamuri merupakan wilayah Aceh Tua di zaman silam sebelum kedatangan Islam pada awal abad ke 13 masihi.

bernama *Kampar* dari Gunung Seri Ledang. Selanjutnya berlaku pemberontakan di istana hasil komplot Raja Permaisuri serta para pembesar yang membawa kepada terusnya Raja Bersiong dari istananya. Baginda telah lari jauh ke dalam hutan kerana diburu oleh amukan rakyat.

Baginda seterusnya meneruskan pelarian mudik ke hulu dengan destinasi seterusnya ke Sok atau kini daerah di hulu Sik⁵. Akibat terus diasak dan dikejar baginda seterusnya melarikan diri ke tepi sungai lalu bertindak mencabut atau *Ketil* dan membaling taringnya sehingga mengeluarkan bunyi *Weng*, akhirnya kawasan tersebut dikenali sebagai *Baling*. Manakala tempat taring siongnya terjatuh dinamakan *Siong*⁶. Raja Bersiong seterusnya berkahwin dengan seorang gadis biasa, anak saudagar dan pekebun sireh lalu melahirkan seorang putera. Kelahiran putera ini secara langsung menamatkan sumpahan dan ketulahan terhadap Raja Bersiong dan memurnikan kembali keturunan Merong Mahawangsa. Namun baginda tidak sempat memelihara putera tersebut hingga dewasa kerana persembunyiannya diserbu orang. Akibatnya baginda terus melarikan diri ke hutan tanpa dikesan.

Cerita pelarian baginda bersambung secara lisan yang menyatakan kononnya baginda telah bertapa di hutan lalu ghaib menjadi *orang bunian*. Namun terdapat versi lain yang menyatakan baginda telah lari jauh ke sebuah kawasan hutan berbukit di selatan yang mana terdapat sebuah gua untuk berlindung dari buruan. Kawasan tersebut kini berada di jajahan mukim Selama atau tepatnya di Batu Kurau, Perak yang dikenali sebagai *Kampung Kota Raja Bersiong*. Kawasan ini telah diisytihar sebagai sebuah kawasan bersejarah oleh kerajaan negeri Perak bagi membangunkan sektor pelancongan di kawasan berkenaan.

Lawatan ke lapangan oleh Penyelidik pada 4 Februari 2024 mendapati terdapat dua buah bongkah batu besar terbelah di atas sebuah bukit terpencil yang dipercayai menjadi tempat persembunyian kepada Raja Bersiong sewaktu baginda melarikan diri dari perburuan tentera Kedah. Kini kawasan tersebut dikelilingi oleh kebun kelapa sawit serta dusun milik penduduk tempatan namun di bahagian atas dan belakang bukit tersebut dipenuhi semak samun selain tanpa sebarang tanda keterangan berkaitan sejarahnya. Suatu ketika dahulu kawasan ini pernah dijadikan lokasi pemujaan, amalan khurafat serta sering berlaku perkara-perkara mistik terutamanya kepada mereka yang mempunyai niat yang buruk hingga meresahkan penduduk sekitar akhirnya diawasi oleh masyarakat setempat agar kejadian tersebut tidak lagi berulang.

Pencarian waris kerajaan Kedah

Sementara di Kedah ketiadaan pewaris kerajaan selepas penggulingan Raja Bersiong menyebabkan Kedah diperintah oleh Raja Perempuan bersama Menteri Empat dengan bantuan Menteri Kelahum dari negeri Benua Siam. Menurut Janudin & Yusoff (2022: 22-23, 28) berlaku kelompong kuasa pemerintahan Kedah selama 300 tahun. Raja Perempuan terpaksa memohon bantuan dari Raja Benua Siam dan Menteri Kelahum bagi mencari waris raja untuk ditahtakan sebagai Raja Kedah yang baharu. Usaha tersebut membawa kepada penggunaan

⁵ Kota Sik dahulunya dikelilingi air yang luas merupakan bekas pusat pemerintahan dibuka oleh leluhurnya Merong Mahawangsa sekitar 630an. Namun akibat peredaran zaman kawasan tersebut semakin cetek dan menghasilkan aliran Sungai Chepir yang berpunca dari banjaran Gunung Baling dan Gunung Pulai melalui daerah Jeniang menghala terus ke kuala Sungai Chepir dan Sungai Muda. Sejak dari dahulu hingga sekarang kawasan ini sering terdedah kepada bencana banjir kilat setiap tahun berpunca dari aliran deras air gunung-ganung tersebut.

⁶ Kawasan ini dibuka oleh Raja Kedah ke 3; Maharaja Seri Mahawangsa bernama Kota Bandar. Lokasi kini terletak di Kampung Bandar dalam daerah Baling, Kedah. Kemungkinan bekas tapak lokasi kota diraja ini berada sekitar kaki Gunung Baling dengan Sungai Ketil menjadi jalan penghubungnya. Ketil dipercayaaan berasal dari perkataan '*kutil*' dalam loghat Kedah yang bermaksud cabut dan buang. Sementara terdapat versi nama Baling dalam bahasa Siam lama '*Ban*' bermaksud '*kampung*' dan '*Ling*' bermaksud '*ker*', jika digabungkan *Ban-Ling* menjadi Kampung Kera. Terdapat sepasang replika *siong* dibina di mukim Siong.

seekor gajah sakti bernama *Gemala Johari*⁷ yang akhirnya berjaya menemukan putera kepada Raja Bersiong dan dibawa ke istana Kedah untuk ditahtakan (Syafiq Hadzir, 2019:70 - 81).

Sementara itu Raja Kelana Hitam dari negeri Kelinggi merasakan dirinya layak menjadi Raja Kedah dan cuba merampas kuasa. Baginda telah bergabung dengan empat buah kerajaan terdiri dari penghulu Semang bernama Maharaja Darul Alam, Maharaja Darul Salam (penghulu rakyat Wila), Maharaja Darul Gunung (penghulu rakyat Bukit) dan penghulu Sakai bernama Raja Jakjakunja⁸. Keadaan tersebut mengancam kedaulatan Kedah hingga memaksa Permaisuri Kedah sekali lagi memohon bantuan Raja Benua Siam yang ketika itu menguasai wilayah Segenting Kra di utara semenanjung bagi mengalahkan gabungan musuh tersebut.

Peristiwa ini sekali lagi memperlihatkan terdapatnya persefahaman, perjanjian dan persumpahan bahawa hanya keturunan Merong Mahawangsa sahaja yang layak ditahtakan sebagai Raja Kedah yang berdaulat bukannya dari wangsa asing. Hakikatnya kuasa daulat ini telah diperturun dan dipatuhi oleh sekalian Raja-Raja di kepulauan Melayu sehingga termaktubnya sebuah persetiaan bergelar *Wa'adat* yang termenterai di antara golongan pembesar yang mewakili rakyat iaitu Demang Lebar Daun dengan golongan raja diwakili oleh Raja Sang Sapurba Seri Tri Buana sekitar tahun 1240an (Bastin, 2022; Janudin, 2023b:19).

Sementara itu HMM merakamkan Permaisuri Kedah dan Raja Benua Siam cuba membangunkan kembali kota Arung-Arungan yang rosak selepas peperangan dengan Raja Kelinggi tersebut selain Kota Aur yang dilihat tidak lagi bersesuaian sebagai sebuah pusat pemerintahan Kedah. Menurut Janudin (2023:4-8) Kota Aur telah terpalit dan dicemari dengan pencerobohan serta pemberontakan rakyat yang menggulingkan Raja Bersiong sebelumnya. Keadaan ini menyebabkan Bukit Meriam mula dibangunkan sebagai kota bandar yang baharu, sesuai dari sudut keselamatan serta selari dengan kosmologi Buddha yang meletakkan golongan raja pada kedudukan yang tinggi. Kota ini dibina dan diduduki oleh putera kepada Raja Bersiong iaitu Phra Ong Maha Podisat (Syafiq Hadzir, 2019: 29)⁹.

Menurut Filarti (2013:45), Phra Ong Maha Podisat atau Maha Bodhisattva bermaksud *Raja Buddha yang Agung* kerana baginda menjadi pelindung dan mengembalikan *kemurnian* kepada ajaran Buddha Mahayana. Gelaran ini dikurniakan kepada baginda ditabal sebagai Raja Kedah ke 6 setelah insiden pencemaran imej institusi istana oleh ayahandanya; Raja Bersiong. Perlantikan tersebut membuktikan kejayaan campurtangan sekumpulan elit istana mempertahankan pemerintahan wangsa Merong di Kedah. Justeru legitimasi pemerintahan Kedah tidak boleh diambil alih oleh lain-lain keturunan atau dinasti (Jamaluddin, 2017).

Sebaliknya berdasarkan ASNK, Raja Kedah ke 5; Sri Paduka Maharaja Kerma dicatatkan sebagai pemerintah yang merintis pembukaan bandar Bukit Meriam dan menggalakkan kehadiran para pendatang luar bagi membangunkan sektor perlombongan besi yang berpusat di Sungai Batu, Lembah Bujang sehingga dikagumi oleh para pedagang Arab. Pembangunan

⁷ Menurut HMM pada zaman kelahiran Nabi Muhamad s.a.w segala binatang tidak lagi boleh berkata-kata seperti manusia. Nabi Muhammad lahir pada 12 Rabiulawal tahun 571 masihi yang dikenali sebagai Tahun Gajah bersempena kejadian Mekah yang cuba diserang oleh pasukan Raja Abrahah dari Yemen.

⁸ HMM meriwayatkan terjadinya peperangan hebat antara tentera Kedah-Benua Siam-Legor dengan gabungan ribuan bala tentera musuh terdiri dari kaum-kaum asli yang terkenal kebal dan ganas mara dari utara Kedah untuk merampas tahta pemerintahan Kedah yang dikuasai oleh permaisuri Raja Bersiong ketika itu. Peperangan hebat ini dimenangi oleh tentera gabungan Kedah-Benua Siam-Legor.

⁹ Pemerintahan Raja-Raja Kedah di Kota Bukit Meriam ini kekal selama tempoh pengislaman Kedah sehingga berpindah ke Kota Sungai Mas oleh Sultan Mudzil Shah (1237 - 1280).

kota Bukit Meriam diteruskan oleh Raja Kedah ke 6; Seri Paduka Maharaja Dewa serta sempurna diduduki oleh Raja Kedah ke 7; Seri Paduka Derma Raja (Janudin, 2022:28; 2023:6). Persoalan samada Raja Bersiong di dalam HMM atau Sri Paduka Maharaja Kerma dalam ASNK merupakan sosok raja yang sama atau tidak sering menimbulkan polemik kekeliruan dan percanggahan dalam kalangan para pengkaji sejarah. Namun dari segi turutan senarai raja-raja Kedah Tua, kedua-duanya merupakan Raja Kedah ke 5 yang pernah membangunkan serta mendiami Kota Aur sehingga menarik perhatian para pedagang dan pendatang asing.

Gelaran *Karma* merupakan sebuah bahasa halus yang merujuk kepada balasan buruk yang terjadi akibat penyimpangan yang dilakukan oleh Raja Bersiong tersebut. Menurut Musa (2022:3) kisah kekejaman Raja Bersiong tidak tercatat di dalam ASNK demi menjaga imej pemerintahan kesultanan Kedah selain bagi memastikan kandungan buku tersebut boleh diterima akal kerana akan dibaca oleh golongan diraja, Inggeris serta rakyat jelata. Namun hakikatnya cerita Raja Bersiong ini tetap menjadi lagenda lisan rakyat di Kedah. Bahkan beberapa nama kota istana tercatat di dalam HMM dibina pada zaman baginda seperti Kota Arung-Arungan, Kota Aur, Bukit Penjara dan Bukit Meriam turut tercatat di dalam ASNK.

Mewujudkan Dinasti Kerajaan Jembal?

Sementara itu, perburuan yang berterusan ke atas Raja Bersiong telah menyebabkan baginda terus lari bersembunyi hingga ke hulu Kelantan yang ketika itu di bawah wilayah Patani. Menurut Osman (2004) dalam *Hikayat Seri Kelantan*, semasa berada dalam pelarian tersebut Raja Bersiong telah bertemu dan mengambil sepasang anak angkat iaitu seorang budak lelaki bernama *Sakti* manakala yang perempuan bernama *Mani Kemenyan*. Setelah meningkat dewasa mereka akhirnya dijodohkan. Dari perkahwinan tersebut telah mewujudkan dinasti Jembal yang turut mendapat sokongan dari pelarian serta bangsawan Champa pada tahun 1636 hingga 1733 (Muda & Salleh, 1971) dengan Raja Sakti dan Puteri Mani Kemenyan tersebut ditabal menjadi pemerintah pertamanya.

Naratif perkaitan Raja Sakti dan Puteri Mani Kemenyan sebagai anak-anak angkat kepada Raja Bersiong yang lari dari Kedah ke Kelantan ini telah diterima sejak sekian lama seperti tercatat di dalam *Hikayat Seri Kelantan* dan *Rengkasian Cetera Kelantan* (Hassan, 2014:39) serta *Sejarah Negeri Kelantan* pada tahun 1891 di halaman 16 hingga 17 (Abidin & Hamzah, 2018:141). Meskipun demikian terdapat percanggahan dari segi garis masa dan tahun dengan pemerintahan Raja Bersiong atau Raja Phra Ong Perita Deria sebagai Raja Kedah ke 5 berdasarkan HMM telahan Syafiq Hadzir (2020:40) bertarikh 512 - 580 masihi.

Sementara menurut Janudin (2022: 22-23, 28) anggaran garis masa pemerintahan Seri Paduka Maharaja Kerma atau Raja Bersiong adalah sekitar tahun 842 - 910 masihi. Menurut Langkawi (2018: 38,40) baginda merupakan Raja Kedah ke 5 yang memerintah negeri Kedah. Ertinya terdapat perbezaan jarak masa antara 700 hingga 1000 tahun di antara Raja Bersiong dengan pemerintahan Raja Sakti¹⁰. Menurut Hassan (2019: 39) Raja Sakti mangkat pada tahun 1649 dan digantikan dengan Raja Loyor yang menjadi Raja ke 2 di Kelantan bagi dinasti Jembal. Baginda mempunyai seorang puteri bernama Puteri Saadong¹¹ yang menjadi pemerintah

¹⁰ Perbezaan 700 tahun bermaksud terdapatnya banyak jurang generasi yang telah berlaku. Dengan mengambil kira satu generasi akan melahirkan generasi seterusnya dalam tempoh 25 tahun bermakna 700 tahun dibahagikan dengan 25 tahun ertinya terdapat 28 buah generasi terdahulu sebelum wujudnya Raja Sakti sebagai Raja Jembal pertama sekitar tahun 1640an itu.

¹¹ Raja Loyor juga memiliki putera sulung bernama Raja Sakti namun mangkat ketika masih kecil. Bagi menjalinkan hubungan baik dengan dinasti Chermin, puterinya bernama Puteri Saadong diserahkan kepada

wanita kedua di Kelantan pada tahun 1667-1671 selepas Paduka Che Siti Wan Kembang (1610 - 1667) dari dinasti Chermin.

Berkemungkinan Raja Sakti yang dimaksudkan adalah individu yang berlainan hidup sezaman dengan Raja Bersiong bukannya Raja Sakti yang hidup semasa tahun 1640an. Persamaan nama tersebut sememangnya sentiasa wujud serta menimbulkan kekeliruan dan perdebatan yang lama dalam kalangan ahli sejarah. Namun persamaan nama ini merupakan satu tradisi lisan bagi orang Melayu dahulu kala yang biasanya mengulang-ulangkan nama yang sama bagi menjaga nasab keturunannya agar senang dijejaki (Janudin 2023b:23). Kini kebanyakan keturunan Raja Jembal ini menetap di Kedai Lalat, Pulau Melaka, Sering dan sekitar Kota Bharu, Kelantan setelah legasi kerabat diraja ini berakhir dalam pemerintahan Kelantan selepas kemangkatan Raja Kecil Sulong pada tahun 1725 dan dinasti kesultanan Kelantan telah diambil alih oleh kerabat Raja Patani. Menurut Suhaimi dan Ahmad Khan (2016), ramai keturunan Raja Jembal kini masih memakai gelaran diraja seperti *Raja, Tengku, Ku, Nik* dan *Tuan*.

Kewujudan Istana Raja Bersiong di Kota Aur?

Terdapat tanggapan sesetengah pihak menyatakan terdapatnya bekas istana tinggalan Raja Bersiong terletak di Kota Aur, Bukit Tinggi Kepala Batas. Persepsi ini timbul kerana ketiadaan maklumat jelas dalam kalangan penduduk yang menyebarkan cerita lisan kerana merasakan binaan tersebut milik kerabat di raja yang penuh misteri kerana tidak dijaga dengan sempurna. Menurut Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK) bekas istana tersebut adalah milik kepada Tunku Kudin (1835 - 1909) atau Tunku Dhiauddin ibni Sultan Abdul Rashid I (M-Star, 18 Oktober 2015). Baginda merupakan Raja Muda Kedah ketika pemerintahan kekandanya Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854 - 1879) namun dipecat dari jawatan Raja Muda Kedah kerana terlibat dalam campurtangan peperangan di Selangor pada tahun 1867 (Ghazali, 2016). Justeru kisah dan tinggalan Raja Bersiong tidak wujud di zaman kesultanan Kedah bermula 1136 masihi sebaliknya berlaku zaman pra Islam iaitu sekitar tahun 800an hingga 900an masihi.

Relik-relik lain peninggalan Raja Bersiong?

Menurut Khaw et al., (2019) terdapat juga beberapa jumpaan yang dipercayai sebagai tinggalan Raja Bersiong di Kedah antaranya makam lama dipercayai milik Raja Bersiong di kampung Seberang Tok Soh, Pinang Tunggal di Kuala Muda namun sebenarnya makam milik orang Islam berdasarkan ukiran ayat-ayat Quran.

Terdapat jumpaan tapak tiang bendera berbentuk empat segi yang digunakan sebagai tapak patung dewa hindu di Tikam Batu yang kini disimpan di Muzium Arkeologi, Merbuk. Pada tahun 1983 sebelumnya masyarakat dikejutkan dengan jumpaan sebilah keris yang bahagian hulunya bersalut emas bertahtakan permata yang didakwa milik Raja Bersiong di kampung Kota Bukit, Jeneri dalam daerah Sik namun sebenarnya adalah milik Raja Muda Kedah Tunku Ibrahim yang pernah hilang dari simpanan baginda¹².

Penerbitan kisah Raja Bersiong

Tradisi penyalinan HMM dipercayai diteruskan dari zaman ke zaman sejak ia dihasilkan buat pertama kalinya pada tahun 1180. Logiknya penyalinan semula HMM oleh para penulis istana

Permaisuri Che Siti Wan Kembang sebagai anak angkat dan dikahwin dengan sepupunya Raja Abdullah di Taman Serendah Sekebun Bunga Cerang Tegayong.

¹² Terdapat sebilah keris sakti bernama *Lela Masani* yang diwarisi sejak zaman Raja Merong Mahawangsa. Keris ini amat digeruni para musuh, digunakan dalam istiadat pembukaan negeri Patani dan pertabalan di istana pada zaman Raja Merong Mahapudisat serta mampu memberi tuah kepada negeri Kedah (Syafiq Hadzir, 2019: 26-28).

pasti dilakukan demi menjamin naskah tersebut tetap berada di dalam simpanan istana dan dapat dibaca terutamanya dalam kalangan para kerabat diraja. Proses penyalinan tersebut telah menghasilkan beberapa buah lagi naskah salinan yang lain memandangkan bahan serta kualiti kertas pasti akan rosak mengikut peredaran zaman dan perlu diganti melalui penyalinan semula. Tradisi penulisan dapat dilihat aktif semula di zaman Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1619 -1652) yang telah menghasilkan kitab *Undang-Undang Pelabuhan Kedah* pada 1651 setelah Kedah bebas dari pengaruh kesultanan Aceh.

Namun pencerobohan kuasa-kuasa asing seperti Aceh pada 1619, diikuti Bugis dan Siak sepanjang 1670an, 1760an dan 1771 telah menyebabkan kemusnahan pelbagai khazanah ilmu bangsa Kedah antaranya HMM asal dan lain-lain kitab selain kemungkinan terbunuhnya ramai cerdik pandai, penglipur lara, pencatat, pengarang serta penyalin istana yang menghafal secara lisan kisah-kisah di dalam HMM. Serangan Siam ke atas Kedah pada 1821 turut merekodkan HMM asal telah dibakar. Akan tetapi senaskah lagi HMM yang tersimpan milik Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah telah diserahkan kepada Leftenan Kolonel James Low dipercayai sewaktu baginda merayu menuntut tahta kerajaan Kedah semasa perbicaraan di mahkamah Pulau Pinang pada tahun 1828. Penyerahan HMM tersebut sebagai bukti mengesahkan baginda adalah keturunan sultan berdaulat yang mewarisi Kedah sejak zaman pemerintahan Raja Merong Mahawangsa yang di dalamnya turut terkandung kisah Raja Bersiong (Low, 1849).

James Low bersama penjelajah Inggeris lainnya mula aktif melakukan penerokaan di tapak-tapak bersejarah di Kedah selepas tamatnya Perang Musuh Bisik (1842) turut melakukan penelitian terhadap teks HMM dan kisah Raja Bersiong selepas tahun 1848. Kajiannya turut menarik minat ramai orientalis seperti Stanfold Raffles, Frank Swettenham, Hugh Clifford, R.O Winstedt, R.J Wilkinson, A.J Sturrock, W. Maxwell, R. Braddel, G.Coedes dan sebagainya yang mengkaji pelbagai manuskrip dan cara hidup masyarakat Melayu di nusantara dengan memberikan tafsiran sendiri yang bebas mengenainya (Low & Ahmad, 2018: 163-196). Namun ramai orientalis dan pembaca Eropah memperlecehkan HMM terjemahan Low tersebut dan menganggapnya sebagai kisah mitos yang mengelirukan (Maier, 2022).

Kebanyakan orientalis turut bersifat prejudis dengan melabelkan kaum pribumi Melayu, Jawa dan Filipina sebagai pemalas, kolot dan lemah (Alatas, 1988). Malah bangsa Melayu sering dituduh terlalu miskin adat, budaya serta bahasanya hingga terpaksa meniru budaya dari India - Hindu bagi melengkapkan budaya tempatannya (Alwee, 2002:1-12).

Pandangan mereka kemudiannya dijadikan rujukan oleh ramai sarjana dari dunia barat, Asia termasuk dalam kalangan para pengkaji tempatan yang majoritinya terpengaruh dan menganggap semua kisah dalam kesusteraan Melayu sebagai dongeng yang disulami pelbagai mistik, mitos, imaginasi dan retorik berlebihan serta tidak masuk akal yang bertujuan sebagai hiburan penglipur lara, memuji golongan raja serta sindiran halus kepada para penguasa. Ini termasuklah hasil catatan para pencatat di istana Siam semasa pemerintahan Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn sejak 1850an hingga 1898 iaitu *Pongsawadan Muang Saiburi* atau *The Chronical of Negeri Kedah* yang walaupun bersumberkan HMM namun diberikan tafsiran yang prejudis terhadap keseluruhan sejarah Kedah (Suwannathat-Pian, 1990; Salleh, 1992).

Persepsi ini timbul apabila kurangnya bukti empirikal, dokumentasi, arkeologi dan jurnal-jurnal akademik terkini yang perlu kerap diwacanakan agar mampu menyangkal setiap dakwaan tersebut. Keadaan ini wujud disebabkan terlalu banyak versi cerita lisan yang diwarisi turun-temurun, ditokok tambah dengan maklumat dari pelbagai sumber '*alam ghaib*' serta dipercayai benar sebagai sebuah kisah yang tidak didendangkan atau sengaja disembunyikan.

Namun di dalam HMM kisah mengenai Raja Bersiong dinukilkan sebagai sebuah cerita yang pernah berlaku pada zaman pemerintahan raja-raja Kedah. Amat mustahil kisah yang mengaibkan tersebut boleh diperkenankan penulisan, salinan serta penerbitannya oleh pihak istana sekiranya ia merupakan satu sindiran kepada pemerintah seperti mana karya *Salasilah atau Tarikh Negeri Kedah* karya Wan Yahya bin Wan Mohd Taib bin Temenggung Wan Musa yang dilarang penyebarannya oleh istana Kedah pada 1911 lantaran jelas mengkritik golongan istana (Muhammad, 2017:3; Janudin & Yusoff. 2021:98).

Sementara itu, beberapa sumber utama penulisan sejarah Kedah selain HMM seperti *Tarikh atau Salasilah Negeri Kedah (TSNK)*, *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah (ASNK)*, *Hikayat Terong Pipit*, *Undang-Undang Kedah* mahupun *Tarikh Patani* tidak menceritakan kisah Raja Bersiong tersebut. Sebaliknya kisah baginda telah disamatarafkan sebagai cerita-cerita rakyat atau penglipur lara di Kedah yang diwarisi sejak zaman berzaman seperti mana kisah Sang Kelembai, Puteri Lindungan Bulan, Sumpahan Mahsuri dan sebagainya (Khaw et al., 2019).

Penerbitan HMM di zaman moden

Selain itu terdapat beberapa penerbitan berbentuk buku cerita kanak-kanak, novel fiksyen dan kajian ilmiah yang memuatkan kisah mengenai Raja Bersiong antaranya seperti;

- i. *Raja Bersiong* oleh Abdul Ghani Abbas (1962). Singapore, Koleksi Khas Yang Quee Yee.
- ii. *Lagenda Raja Bersiong* oleh Atan S.B (tiada tahun). Sastera Rakyat Negeri Kedah.
- iii. *Raja Bersiung* oleh Rubiah Jusoh (2009). Penerbit: Kualiti Book Sdn Bhd.
- iv. *Raja Bersiung dan lain-lain cerita* oleh Sulaiman Zakaria (2013). Penerbit: Kualiti Book Sdn Bhd.
- v. *Tawarikh Raja Kuta* oleh Tuan Haji Abdul Rauf bin Muhamad Dagang Agung. (tiada tahun) Penerbit Yayasan Kebudayaan Islam Patani dan Khazanah Fathaniyah.
- vi. *Raja Bersiong* oleh Zaid Fadli dan Noor Suraya (2015).
- vii. *Raja Bersiong Yang Zalim* oleh Azlin Japar. Penerbit: Kualiti Book Sdn Bhd (2015)
- viii. *Buku Cerita Raja Bersiung RMI – Koleksi Cerita Malaysia*. (tiada tahun) Penerbit: Kualiti Book Sdn Bhd.
- ix. *Raja Bersiung Sebuah Buku Fakta Berdasarkan Kajian Ilmiah* oleh Muhd Nur Iman Ramli (2017). Penerbit: PTS Publishing House.
- x. *Raja Bersiung (Malaysia) Dan Cerita-Cerita Lain: Siri Cerita Rakyat Dunia Asean* oleh Sulaiman Zakaria. Versi e-book (2017).
- xi. *Raja Bersiung: Siri Buku Kecil Klasik Melayu* oleh Sulaiman Zakaria. Penerbit Arowana Sdn Bhd. Versi e-book oleh Dayang Norlela Ali Omar (2020).
- xii. *Misteri Raja Bersiong* oleh Mohd Herman bin Roslan (2020). Penerbit: Geroda Merah Press.
- xiii. *Misteri Raja Bersiong* oleh Ibnu Ibrahim Al Tawari (2021). Penerbit: Karya Publika.

Dari penerbitan-penerbitan di atas didapati buku (ix) dan (xii) lebih bersifat ilmiah. Sementara yang lain bersifat ringkas dan mudah dibaca terutamanya di peringkat pengenalan dan usia kanak-kanak. Manakala penerbitan (xi) bersifat fiksyen berlatar belakang kisah sejarah Raja Bersiong. Penerbitan-penerbitan ini bertujuan agar masyarakat Malaysia mengenali kisah raja lagenda ini. Sementara itu, terdapat juga beberapa buah karya filem tempatan yang telah mengangkat kisah Raja Bersiong ini, antaranya;

- i. Raja Bersiong versi filem hitam putih diterbitkan pada tahun 1963 arahan Ramon A Estella terbitan Shaw Brothers¹³.
- ii. Raja Bersiong versi filem berwarna diterbitkan pada tahun 1968 arahan Jamil Sulong terbitan Malay Film Production¹⁴.

Berdasarkan filem Raja Bersiong versi 1963 didapati begitu banyak penyimpangan tafsiran, campur aduk watak dan jalan cerita berbanding teks asal HMM. Sementara filem versi 1968 dilihat mempunyai sedikit banyak kesamaan. Penerbitan filem Melayu berkaitan Raja Bersiong merupakan usaha para penggiat seni ketika itu untuk mengangkat tokoh-tokoh lagenda Melayu yang tercatat dalam kebanyakan teks klasik. Kisah berkaitan Raja Bersiong turut menjadi inspirasi kepada penerbitan beberapa filem cereka drama fantasi berepisod antaranya seperti *Siong* (2010)¹⁵ dan *Lagenda* (2012)¹⁶ yang menjadikan watak penghisap darah sebagai antagonis seperti mana Raja Bersiong. Namun jalan cerita, latar dan watak dalam drama-drama tersebut telah diolah secara bebas sehingga hilang keasliannya berbanding teks asal HMM.

Selain itu, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara (JKKN) turut berperanan aktif mengetengahkan sejarah Raja Merong Mahawangsa termasuk kisah Raja Bersiong di dalam program Semarak Bangsawan sejak tahun 2007 (Deneerwan & Kahn, 2018). Terdapat juga pementasan drama tari Raja Bersiong oleh Kumpulan Persembahan Seni Petronas di Dewan Filharmonik Petronas pada Januari 2008 serta bangsawan *Indie Raja Bersiong* pada Februari 2022¹⁷ yang mengisahkan sisi jelik dan pelik Raja Bersiong tersebut.

Pada tahun 2019 filem animasi kanak-kanak, *Upin dan Ipin: Keris Siamang Tunggal* turut menggambarkan watak Raja Bersiong sebagai seorang raja yang zalim, tamak dan memiliki kuasa magis untuk merampas tahta kerajaan Raja Inderaloka. Filem animasi ini telah diolah menggunakan pelbagai tokoh dalam kesusasteraan Melayu seperti *Mat Jenin*, *Si Tanggang*, *Bawang Merah Bawang Putih* dan sebagainya sebagai simbol perjuangan selain sebagai medium hiburan dan pendidikan ke arah perpaduan kaum kepada penonton terutamanya kanak-kanak (Jumrah & Jumrah, 2021).

Filem animasi olahan ini menyerupai filem muzikal *Magika* terbitan tahun 2010 yang menggabungkan pelbagai tokoh-tokoh dalam hikayat-hikayat Melayu seperti *Badang*, *Nenek Kebayan*, *Bawang Putih Bawang Merah*, *Pak Pandir*, *Mak Mandir*, *Mahsuri*, *Hang Tuah*, *Puteri Gunung Ledang*, *Naga Tasik Chini* dan *Batu Belah Batu Bertangkup* dan menjadikan elemen nyanyian sebagai teras penceritaan (Saddi et al, 2022).

¹³ [https://ms.wikipedia.org/wiki/Raja_Bersiong_\(filem_1963\)](https://ms.wikipedia.org/wiki/Raja_Bersiong_(filem_1963)).

¹⁴ [https://ms.wikipedia.org/wiki/Raja_Bersiong_\(filem_1968\)](https://ms.wikipedia.org/wiki/Raja_Bersiong_(filem_1968)).

¹⁵ Cereka terbitan produksi Malaysia, Talisman Picture.

Rujuk <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2010/02/16/gambit-siong-moden>

¹⁶ Cereka terbitan produksi Singapura, Pa Pahan Film. Rujuk <https://www.mewatch.sg/watch/Lagenda-E1-34271>

¹⁷ <https://www.liveinmypoeetry.com/raja-bersiong> dan <https://www.revolutionstage.online/raja-bersiong>

Selain itu terdapat perspektif terhadap Raja Bersiong yang menyamakan raja ini popular seperti mana watak Dracula. Raja Dracula diberikan pelbagai perspektif oleh sejarawan barat sebagai seorang raja zalim yang bertaring, penghisap darah, pemuja syaitan dan memiliki kekuatan kuasa ghaib. Namun dalam masa yang sama baginda dianggap sebagai seorang wira bagi agama Kristian dan bangsa Eropah kerana berjaya menghancurkan kekuatan tentera Uthmaniyah ketika Perang Salib. Menurut Ramli (2015) dan Ramli (2017), Dracula yang dimaksudkan adalah Raja Vlad III Dracula yang digelar Sang Penyula dari Wallachia (1448 - 1462). Baginda akhirnya dihukum bunuh oleh Sultan Muhammad Al Fateh (1444 - 1448, 1451 - 1461) kerana kezalimannya serta penentangannya terhadap empayar Uthmaniyah¹⁸.

3. Kesimpulan

Pengkisahan Raja Bersiong telah mewarnai tamadun Kedah dengan menjadikan HMM sebuah naskah sejarah dan kesusasteraan Melayu klasik yang unik dan tinggi nilai estetikanya namun seringkali dimomokkan sebagai sebuah cerita lagenda, mitos dan didongengkan bagi menarik minat pembaca. Hakikatnya sesebuah kajian sejarah sentiasa bersifat dinamik dan mengalami kemungkinan perubahan seta tafsiran apabila terdapatnya dapatan-dapatan terbaharu dari pelbagai sumber dokumentasi serta analisa penemuan terhadap bahan-bahan arkeologi dan artifak. Justeru lagenda Raja Bersiong akan lebih tepat dan boleh diterima sebagai sebuah kisah sejarah yang benar jika ia dapat dikaitkan dan selari dengan fakta-fakta sejarah dari pelbagai peristiwa tempatan dan tamadun dunia dari sudut garis masa, perekonomian, hubungan politik, diplomatik, perdagangan, perkembangan agama dan sebagainya.

Penghargaan

Terima kasih kepada Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) yang telah menyediakan dana wakaf membiayai penyertaan Penyelidik ke dalam *6th Kuala Lumpur International Conference on Education, Economics and Technology 2024 (KLICEET 2024)* sebagai sebuah wakaf ilmu bagi menggalakan penerbitan jurnal ilmiah demi merealisasikan Silat Cekak Silat Akademik.

Rujukan

- Abdullah Zakaria bin Ghazali (2016). Tunku Kudin Dalam Sejarah Selangor, *Jurnal Malawati Bil. 8*.
- Abidin, M. Z. H. Z., & Hamzah, N. H. (2018). Perkembangan Islam Di Kelantan: Analisis Terhadap Manuskrip Sejarah Negeri Kelantan (The Development of Islam in Kelantan: Analysis on the Manuscript of Sejarah Negeri Kelantan). *Journal of Al-Tamaddun*, 13(2), 133-147.
- Ajis, A. A. (2017). Ramni–Ilamuridesam: Kerajaan Aceh Pra–Samudera Pasai Ramni–Ilamuridesam: Pre–Samudera Pasai Kingdom Of Aceh.
- Alatas, H. (1988). Mitos pribumi malas: citra orang Jawa, Melayu dan Filipina dalam kapitalisme kolonial. (*No Title*).
- Al-Faqih, I., & de Goeje, M. J. (1996). Kitab al-buldan. Edited by Yusuf al-Hädf. Beirut, ' Alam al-kutub.
- Alfan, D. B., & Marcello, F. (2016). Changing a Hindu temple into the Indrapuri Mosque in Aceh: the beginning of Islamisation in Indonesia a vernacular architectural context. *Islamic Heritage Architecture and Art*, 159, 85.

¹⁸ Kedah Ketika ini diperintah oleh Sultan Ata'ullah Muhammad Shah I (1423-1473) sultan Kedah ke 8 bersemayam di Kota Seputeh. Makam baginda terletak di Langgar Kota Seputeh.

- Bakar, N. A., & Ramli, Z. (2018). Sungai mas sebagai pusat pemerintahan dan pelabuhan utama di Lembah Bujang berdasarkan data arkeologi (sungai mas as centre of governance and entrepot port in Bujang Valley based on archeological data). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(1).
- Basyir-Nim, A. A. (2008). *Perkembangan Tantrayana Di Indonesia* (Doctoral dissertation, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta).
- Bastin, J. (2002). John Leyden And The Publication Of The "Malay Annals" (1821). *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 75(2 (283), 99-115.
- Braddell, R. (1950). Notes on Ancient Times in Malaya [Continued]. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 23(1 (151)
- Coedes, G. (1968). *The Indianised state of South East Asia*. University of Hawaii: East West Enterprise.
- Coedes, George. 2014. *Kedatuan Sriwijaya. Edisi Kedua*. Jakarta: Komunitas Bambu.
- Deneerwan, M., & Kahn, S. M. (2018). Semarak bangsawan: The invigoration project in Malaysia. *Asian Theatre Journal*, 35(1), 154-173.
- Falarti, M. M. (2013). *Malay kingship in Kedah: religion, trade, and society*. Rowman & Littlefield.
- Hasan, H. (2014). Isu-isu wanita dalam Manuskrip Melayu abad ke-15 hingga abad ke-18: Issues on Women in Malay Manuscripts of 15th to 18th Century. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6(1), 36-48.
- Hassan, M. (1928). *Al-tarikh salasilah negeri Kedah*.
- Hasni, M. T., Ali, M. S. M., & Ramli, Z. (2017). Merosotnya Pengaruh Hindu-Buddha Di Kedah Tua: Satu Analisis Politik Dan Budaya - Decline In Hindu-Buddhist Influences In Kedah: Analysis On Politics And Culture. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(2).
- Isam, H., & Abd Mutalib, M. (2015). Memahami pemikiran Melayu melalui pbingkaian makna leksis darah dalam peribahasa. *Jurnal Melayu*, 14(2), 190-201.
- Jamaluddin, J. (2017). Geneologi Asas Kedaulatan dan Legitimasi Kerajaan Kedah Tradisional. *Proceeding Isich 2017 International Seminar On Islam, Culture And Heritage: Socio-Political And Economic Issues*. 161-169.
- Janudin, S., & Yusoff, Z. (2021). Perajaan dan Pengislaman Kedah: Kupasan Bukti Teks Hikayat Merong Mahawangsa, Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan Abbasiyah (630-1136 Masihi). *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(1), 96-113.
- Janudin, S., & Yusoff, Z. (2022). Pengkisahan Raja-Raja Kedah Tua Berdasarkan Bukti Dokumentasi dan Arkeologi (630 hingga 1136 masihi). *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4(2), 16-32.
- Janudin, S. (2023a). Kota Bukit Meriam: Merungkai Sejarah Tamadun Kerajaan Kedah Tua. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 5(2), 1-20.
- Janudin, S. (2023b). Wangsa Wan: Merungkai Geneologi, Asal-Usul dan Keturunan. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 5(4), 10-31.
- Jumrah, M. H. B., & Jumrah, Z. B., (2021). Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal: Agen Didaktik Pada Layar Budaya. *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS 2021)*.
- Khaw, N. R., Zainun, N., & Saidin, M. (2019). Lembah sungai merbok-muda dari era kemerosotan kedah tua hingga pascamerdekaan.
- Langkawi, I. B. (2018). *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah. Alor Setar: Persatuan Sejarah Cawangan Negeri Kedah*.
- Low, J. (1849). A translation of the Kedah Annals, termed Marong Mahawangsa, and sketches of the ancient condition of some of the nations of Eastern Asia with reference to the Malays. *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, 3, 1-23.

- Low, J., & Ahmad, J. (2018). Hikayat Merong Mahawangsa.
- Maier, H. M. (2022). *Hikayat Merong Mahawangsa: pertarungan wibawa di jantung kuasa*. INTISARI.
- Moenawar, T. (1979). Hikayat Raja Berekor. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Proyek Penerbitan Buku Bacaan dan Sastra Indonesia dan Daerah.
- Mohd Herman Roslan (2020). Misteri Raja Bersiong. Geroda Merah Press. Kuantan.
- Muda, S. S. H., & Salleh, A. A. Q. H. (1971). Detik2 Sejarah Kelantan.
- Muhammad, S.J.N (2017). Kepemimpinan Diplomatik Pemerintah Kerajaan Dalam Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah. *Jurnal Melayu Bil. 16(1)*, 1-18.
- Musa, M. A. H. A. N. I. (2022). *Salasilah Atau Tarekh Kerja -An Kedah (1911): Naskhah Melayu Kedah Yang Terpinggir Salasilah Atau Tarekh Kerja - An Kedah (1911): The Marginalised Kedah Malay Text*. Jebat, 49(2), 3 - 4.
- Osman, M. T. (2004). *Hikayat Seri Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman, N., & Ramli, Z. (2009). Hubungan Asia Barat dengan Alam Melayu Berdasarkan Bukti Arkeologi Abad ke-9 hingga ke-14M. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(2).
- Rahmawati, W. P. (2017). Arti Simbolis Arca Buddha Maha-Aksobhya (Prasasti 1289) Sebagai Media Pencegahan Perpecahan Kerajaan Singhasari. *Avatara*, 5(3).
- Ramli, M. N. I. (2015). *Dracula vs Al-Fateh*. PTS Millennia.
- Ramli, M. N. I. (2017). *Raja Bersiong Sebuah Buku Fakta Berdasarkan Kajian Ilmiah*. PTS Millennia.
- Ramli, Z., & Rahman, N. H. S. N. A. (2012). Hubungan Antara Semenanjung Tanah Melayu Dengan China Sejak Awal Abad Masihi. *International Journal Of The Malay World And Civilisation*, 30(1), 171-196.
- Saddi, F., Dawam, Z. A. M., & Hisham, F. (2022). Ciri Dan Fungsi Lagu Dalam Membentuk Struktur Plot Filem Muzikal Magika (2010): Characteristics And Functions Of Songs In Forming The Plot Structure Of The Musical Film Magika (2010). *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 12(1), 61-70.
- Saksono, W. (1995). Mengislamkan tanah Jawa: telaah atas metode dakwah Walisongo. Mizan.
- Salleh, S.H. (1992). Ulasan Makalah. *Jebat (20) 107-116*.
- Sarman, N. F. N. (2013). Ekspresi Semiotik Tokoh Legendaris Dalam Hikayat Raje Beikor. *Sirok Bastra*, 1(1), 101-108.
- Satria, D. (2019). Perkembangan Masyarakat Maritim Pesisir Aceh Besar: Sistem Kepercayaan Dalam Masyarakat Kuno Masa Lamuri, Sebelum Hingga Awal Berkembangnya Islam. *Balai Arkeologi Sumatera Utara*, 17.
- Schurman-Kauffman, D. (2011). Why Cannibals Love Eating People: Cannibals who eat people. *Psychology Today*.
- Setyawati, M., & Budurah, M. (2021). Pola Integrasi antara Jawa dan Melayu-Bangka Belitung dalam Naskah Hikayat Raja Berekor.
- Soekmono, R. (1981). Pengantar sejarah kebudayaan Indonesia 3. Kanisius.
- Suhaimi, A. D. A., & Ahmad Khan, A. A. A. (2016). Transkrip wawancara bersama Ym Tengku Mohamad Nor@ Tengku Hamzah Bin Hj Engku Hussin Naib Yang Di-Pertua Pertubuhan Kerabat Raja Jembal Kelantan.
- Suwannathat-Pian, K. (1990). *Phongsawadan Muang Zaiburi (The Chronicle of negeri Kedah)*.
- Wheatley, P. (1961). *The Golden Khersonese: Studies in the historical geography of the Malay Peninsula before AD 1500*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Sumber internet

- <https://www.mstar.com.my/xpose/mistik/2019/12/05/raja-bersiong>. Dilayari pada 11 Oktober 2023.
- <http://addykbs.blogspot.com/2014/01/kota-aur-di-gubir-kedah-dipercayai.html>. Dilayari pada 11 Oktober 2023.
- <https://lobakmerah.com/klasik-dan-epik-raja-bersiong-7-fakta-menarik-filem-pertama-buah-tangan-tunku-abdul-rahman-keluar-bajet-sampai-rm750000/>. Dilayari pada 11 Oktober 2023.
- https://www.academia.edu/38287270/Hikayat_Merong_Mahawangsa_Bab_2_Raja_Ong_Maha_Perita_Deria_pdf. Dilayari pada 12 Oktober 2023.
- <https://www.mstar.com.my/xpose/mistik/2019/12/05/raja-bersiong>. Dilayari pada 31 Oktober 2023.
- <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/05/53552/siri-misteri/legenda-raja-bersiong>. Dilayari pada 26 November 2023.
- <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/istana-terbiar-100-tahun-milik-tunku-kudin-bukan-raja-bersiong-persatuan-sejarah-76866>. Dilayari pada 26 November 2023.
- [https://ms.wikipedia.org/wiki/Raja_Bersiong_\(filem_1963\)](https://ms.wikipedia.org/wiki/Raja_Bersiong_(filem_1963)). Dilayari pada 28 November 2023.
- [https://ms.wikipedia.org/wiki/Raja_Bersiong_\(filem_1968\)](https://ms.wikipedia.org/wiki/Raja_Bersiong_(filem_1968)). Dilayari pada 28 November 2023.
- <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2010/02/16/gambit-siong-moden>. Dilayari pada 29 November 2023.
- <https://www.mewatch.sg/watch/Lagenda-E1-34271>. Dilayari pada 2 Disember 2023.
- https://www.academia.edu/38287316/Hikayat_Merong_Mahawangsa_Bab_3_Raja_Phra_Ong_Mahaputisat_pdf. Dilayari pada 12 Disember 2023.
- <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/10/18/istana-raja-bersiong>. Dilayari pada 12 Februari 2024.